



KAJIAN EKSPERIMENTAL 7 LANGKAH KEPULIHAN DALAM PENAGIHAN

SEBAGAI RANDOMIZED CONTROL TRIAL (RCT)
PENDEKATAN BERASASKAN PEMBUKTIAN
DALAM PROGRAM AFTERCARE DI KOMUNITI

OBJEKTIF KAJIAN

Tujuan penyelidikan ini secara khususnya adalah untuk memenuhi objektif-objektif berikut:

1. Menjalankan kajian eksperimen terhadap keberkesanan 7 Langkah Kepulihan terhadap klien beragama Islam dan menjalankan program *aftercare* tentang motivasi perubahan tingkahlaku, modal kepulihan dan psikologi amalan dalam Islam.

Responden kajian seramai 44 orang adalah klien Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) Hulu Langat. Latar belakang responden melibatkan aspek jantina, tahap pendidikan, jenis pekerjaan, jenis dadah yang diambil dan tempoh penagihan dadah.

JADUAL 1

Demografi	Bilangan (kekerapan)	Peratus %
Jantina		
Lelaki	41	93.2
Perempuan	3	6.8
Tahap Pendidikan		
UPSR	9	20.5
PMR	18	40.9
SPM	16	36.4
Diploma	1	2.3
Pekerjaan		
Buruh Am	30	68.2
Jualan	5	11.4
Pengangkutan	5	11.4
Pengeluaran / kilang	1	2.3
Teknikal	2	4.5
Penuntut	1	2.3
Jenis Dadah		
Ganja	5	11.4
Heroin	14	31.8
Syabu / Methamphetamine	18	40.9
Morfin	7	15.9
Tempoh Pengambilan Dadah		
1-5 tahun	24	54.5
6-10 tahun	7	15.9
11-15 tahun	5	11.4
16-20 tahun	6	13.6
21 tahun dan ke atas	2	4.5

DAPATAN KAJIAN EKSPERIMEN (Kajian Kuantitatif)

1. Perbandingan Nilai Min Ujian Pra dan Pasca bagi Kumpulan Eksperimen dan Kumpulan Kawalan terhadap motivasi perubahan tingkahlaku (SOCS)

Hasil analisis dapatan skor min menunjukkan tahap motivasi kumpulan rawatan telah menurun sebanyak 0.0117 (iaitu daripada 3.7898 dalam pra ujian kepada 3.6733 dalam ujian pasca) berbanding kumpulan kawalan menunjukkan peningkatan motivasi, namun menunjukkan perbezaan yang tidak signifikan. Jika dibandingkan dengan kumpulan kawalan yang memperoleh peningkatan skor min yang sedikit iaitu sebanyak 0.083 (dari 3.7446 kepada 3.8276).

JADUAL 2

Perbandingan nilai min antara ujian pra dan ujian pasca bagi kumpulan rawatan dan kawalan melalui ujian SOCS

Kumpulan	Ujian	Min	N
Rawatan	Pra	3.7898	22
	Pasca	3.6733	
Kawalan	Pra	3.7446	22
	Pasca	3.8276	

Hasil ujian T sampel berpasangan (*paired sample T-Test*) ujian pra dan ujian pasca terhadap pembolehubah motivasi perubahan tingkahlaku menunjukkan tidak terdapat perbezaan signifikan iaitu kumpulan rawatan $p=0.068 > .05$ manakala kumpulan kawalan $p=.763 > .05$.

JADUAL 3

Perbandingan nilai t antara kumpulan rawatan dan kawalan melalui ujian SOCS

Kumpulan	Min	t	df	Sig (2 Tailed)
Pra KE - Pasca KE	.11648	1.922	21	.068
Pra KK - Pasca KK	-.02841	-.306	21	.763

2. Membina modul latihan dalam pengendalian bengkel kepada fasilitator yang akan terlibat dalam *aftercare* berasaskan 7 Langkah Kepulihan.
3. Mengetahui analisis keperluan (*need analysis*) bagi fasilitator dan klien dalam meningkatkan efikasi dalam menjalankan program rawatan dan pemulihan berasaskan 7 Langkah Kepulihan.
4. Memahami pengalaman dan interpretasi pengalaman pelatih dan fasilitator dalam Modul 7 Langkah Kepulihan.

2. Perbandingan Nilai Min Ujian Pra dan Pasca bagi Kumpulan Eksperimen dan Kumpulan Kawalan terhadap modal kepulihan (ARC)

Hasil analisis dapatan skor min menunjukkan kumpulan rawatan telah menurun sebanyak 0.09 (iaitu daripada 4.1945 dalam ujian pra kepada 3.6733 dalam ujian pasca). Jika dibandingkan dengan kumpulan kawalan yang memperoleh penurunan skor min yang sangat sedikit iaitu sebanyak 0.03 (dari 4.2791 kepada 4.2462).

JADUAL 4

Perbandingan nilai min antara ujian pra dan ujian pasca bagi kumpulan rawatan dan kawalan melalui ujian ARC

Kumpulan	Ujian	Min	N
Rawatan	Pra	4.1945	22
	Pasca	3.6733	
Kawalan	Pra	4.2791	22
	Pasca	4.2462	

Hasil ujian T sampel berpasangan (*paired sample T-Test*) ujian pra dan ujian pasca pembolehubah modal kepulihan menunjukkan tidak terdapat perbezaan signifikan iaitu kumpulan rawatan $p=.414 > .05$ manakala kumpulan kawalan $p=.439 > .05$.

JADUAL 5

Perbandingan nilai t antara kumpulan rawatan dan kawalan melalui ujian ARC

Kumpulan	Min	t	df	Sig (2 Tailed)
Pra KE - Pasca KE	.09273	.834	21	.414
Pra KK - Pasca KK	-.07364	-.788	21	.439

3. Perbandingan Nilai Min Ujian Pra dan Pasca bagi Kumpulan Eksperimen dan Kumpulan Kawalan terhadap Spiritual dan Keagamaan Islam (PMIR)

Hasil analisis dapatan skor min menunjukkan kumpulan rawatan telah meningkat sebanyak 0.07 (iaitu daripada 3.6166 dalam ujian pra kepada 3.6841 dalam ujian pasca). Jika dibandingkan dengan kumpulan kawalan yang memperoleh penurunan skor min iaitu sebanyak 0.03 (dari 3.8065 kepada 3.6550).

JADUAL 6

Perbandingan nilai min antara ujian pra dan ujian pasca bagi kumpulan rawatan dan kawalan melalui ujian PMIR

Kumpulan	Ujian	Min	N
Rawatan	Pra	3.6166	22
	Pasca	3.6841	
Kawalan	Pra	3.8065	22
	Pasca	3.7717	

Hasil ujian T sampel berpasangan (*paired sample T-Test*) ujian pra dan ujian pasca pembolehubah spiritual dan keagamaan Islam menunjukkan tidak terdapat perbezaan signifikan iaitu kumpulan rawatan $p=.414 > .05$ manakala kumpulan kawalan $p=.420 > .05$.

JADUAL 7

Perbandingan nilai t antara kumpulan rawatan dan kawalan melalui ujian PMIR

Kumpulan	Min	t	df	Sig (2 Tailed)
Pra KE - Pasca KE	-.06760	.834	21	.414
Pra KK - Pasca KK	.03487	.822	21	.420

DAPATAN KAJIAN KEPERLUAN (Kajian Kualitatif)

Reka bentuk kajian ini adalah jenis kualitatif dengan menggunakan kajian kes. Proses analisis data dijalankan secara triangulasi iaitu data temubual, analisa dokumen dan pemerhatian. Tiga tema utama telah dikenal pasti seperti di dalam jadual 8.

JADUAL 8

Hasil analisis data kajian keperluan

TEMA	SUBTEMA	
	Fasa Penagihan	Fasa Selepas mengikuti modul
1. Tingkahlaku	1. Melakukan perbuatan tidak bermoral	1. Daya tindak (coping skill) 2. Efikasi Diri 3. Bertingklaku positif
2. Spiritual	1. Mengabaikan tanggungjawab seorang muslim	1. Banyak mengingati Allah
3. Emosi	1. Tidak tenteram	1. Merasa gembira 2. Bersemangat untuk berubah

DAPATAN DATA KAJIAN INTERPRETASI PENGALAMAN FASILITATOR DAN KLIEN (Kajian Kualitatif)

Dapatan data kajian interpretasi pengalaman fasilitator dan klien yang mengikuti modul latihan 7 langkah kepulihan dalam penagihan diperoleh melalui kajian kes yang dijalankan. Tiga tema telah dikenal pasti dan ditulis secara terperinci mengikut kronologi pengalaman peserta kajian. Secara umumnya, hasil dapatan menunjukkan pengalaman klien dan fasilitator adalah kepada tiga tema utama iaitu (1) celik akal, (2) konsep sendiri dan (3) sistem sokongan. Tiga tema utama ini dirangkumkan dan terhasillah tema-tema dan subtema (Jadual 9).

JADUAL 9

Hasil analisis data interpretasi pengalaman

TEMA	SUBTEMA
1. Celik akal	1. Mengubah tingkahlaku 2. Membawa manusia kembali kepada tuhan dan hidup beragama
2. Konsep sendiri	
3. Sistem sokongan	

MODUL LATIHAN 7 LANGKAH KEPULIHAN DALAM PENAGIHAN

Pembinaan Modul latihan 7 langkah kepulihan dalam penagihan boleh dianggap sebagai modul yang lengkap kerana ia telah melalui kajian kesahan dan kebolehpercayaan bertepatan dengan prosedur pembinaan modul model Sidek (Sidek & Jamaludin, 2005) yang mana modul yang bermutu dan dianggap lengkap setelah ujian kesahan dan kebolehpercayaannya.

JADUAL 10

Nilai Kesahan Kandungan Berdasarkan Penilaian Pakar

Pernyataan	Peratusan	Pandangan Pakar
Kandungan modul ini menepati sasaran populasinya	100	Diterima
Kandungan modul ini boleh dilaksanakan dengan sempurna	93	Diterima
Kandungan modul ini bersesuaian dengan masa yang diperuntukkan	86	Diterima
Kandungan modul ini boleh memupuk nilai-nilai Islam dalam diri peserta	93	Diterima
Kandungan modul ini berpotensi untuk mengubah tingkahlaku peserta ke arah lebih baik	86	Diterima
JUMLAH PERATUSAN KESELURUHAN	92%	Diterima

JADUAL 11

Nilai Pekali Kebolehpercayaan Modul

	N	Mean	Nilai alpha
Modul Latihan 7 Langkah Kepulihan	27	4.242	0.984

Modul 7 langkah ini memperoleh nilai indeks kesahan (.92) dan kebolehpercayaan yang tinggi (.98). Keputusan ini menunjukkan kajian pembinaan modul ini adalah berkualiti dengan dibuktikan secara empirikal. Oleh yang demikian, modul yang dibina ini adalah sesuai dan boleh digunakan oleh kaunselor, pegawai Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), Pembimbing Rakan Sebaya (PRS) dan orang perseorangan untuk membantu dalam usaha merawat penyalahgunaan dadah kepulihan bagi klien yang menjalani program penjagaan lanjutan (*aftercare*).

RUMUSAN

Melihat kepada analisis dan dapatan kajian yang telah dibentangkan, maka kajian ini telah berjaya mencapai matlamat utamanya dengan keempat-empat objektif kajian telah terjawab dan berjaya dicapai. Kajian juga telah mendapati bahawa modul latihan 7 langkah ini boleh meningkatkan spiritualiti dan amalan agama Islam selain mampu memberikan alternatif kepada program rawatan dan pemulihan dadah *aftercare*.



KETUA PENYELIDIK
Dr. Mohamad Isa bin Amat

KETUA PENYELIDIK AHLI PENYELIDIK : DR. MOHAMAD ISA BIN AMAT
: DR. MUHAMMAD KHAIRI MAHYUDDIN | DR. KHAIRUNNEEZAM MOHD NOOR
: DR. ROSLEE AHMAD | PROF. MADYA DR. MOHD RUSHDAN MOHD JAILANI
: DR. MOHD ZOHDI MOHD AMIN | DR. KU SUHALINA KU JOHARI
: EN. MAHAZAN OTHMAN | PN. NORHALINA OTHMAN
PEMBANTU PENYELIDIK : NURFARHAH MOHD NAJIB | AB. RAHIMI AB. REZAF

ALAMAT : PUSAT PENYELIDIKAN DALAM PENYALAHGUNAAN DADAH ASIA (ACREDA)
Universiti Sains Islam Malaysia,
Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai, Negeri Sembilan.
EMAIL : isaamat@usim.edu.my
NO. TELEFON : 06-7988700 (Pejabat), 011-1066 8082 (Telefon Bimbit)

COMMERCIALIZE-CONTACT
KETUA PENGARAH
AGENSI ANTIDADAH KEBANGSAAN MALAYSIA
Kementerian Dalam Negeri
Jalan Maktab Perguruan Islam, 43000 Kajang, Selangor.
Tel : 03-89112200 Faks : 03-89262055
Website : http://www.adk.gov.my